



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

23 Jun 2021
12 Zulkaedah 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Ternakan kupang komersial tarikan baharu PD
Berita Harian	• Nelayan jadi tali barut seludup Pati
Harian Metro	• Tarikan ikan "PREDATOR" • APMM tahan nelayan guna bubu naga
Kosmo !	
Sinar Harian	• Amaran buat nelayan Langkawi!
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		5	23/06/2021

Amaran buat nelayan Langkaw!

Terdapat segelintir nelayan di pulau itu dikesan menjadi tali barut kepada sindiket seludup PATI

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

LANGKAWI

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin memberi amaran terhadap segelintir nelayan di pulau ini yang dikesan menjadi tali barut kepada sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Beliau mendedahkan, perkara itu dikesan hasil daripada risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

"Berhati-hati... Kalau ditangkap, segala apa yang ada tidak mampu untuk membayar hukuman," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan pemantauan dan pemeriksaan Ops Cantas di sini pada Selasa.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiandee; Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzamee Daud; Laksamana



Hamzah ketika melakukan pemantauan dan pemeriksaan Ops Cantas di Langkawi pada Selasa.

Maritim, Datuk Zubil Mat Som dan Ketua Polis Kedah, Datuk Kamarul Zaman Mamat.

Hamzah turut menegaskan, pembabit penduduk setempat juga menjadikan aktiviti perdagangan manusia berelua di pulau peranginan tersebut.

"Kita telah mengenal pasti tali barut dan akan membuat tangkapan dalam masa terdekat," kata beliau.

Hamzah berkata, KDN turut mengesan ada antara penduduk setempat yang turut terbabit dengan aktiviti penyeludupan dadah menggunakan bot-bot nelayan.

"Sebab itu kita ambil tindakan tegas terhadap mereka terbabit," katanya.

Sementara itu, Hamzah berkata, seramai 28 PATI ditahan

dalam Ops Cantas yang bermula awal pagi Selasa.

"Mereka terdiri daripada 23 lelaki dan lima wanita yang merupakan warga Myanmar, Bangladesh, Indonesia dan juga Thailand," katanya.

Jelas beliau, tangkapan itu dibuat berikutan kesemua mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

"Kita ada juga mendekati etnik Rohingya yang mempunyai kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

"Ini membolehkan kita mengetahui dengan jelas mengenai sindiket yang membawa mereka masuk," katanya.

Ditanya mengenai penempatan etnik Rohingya di Bukit Malut, beliau berkata, kement-

3,138 PATI sudah serah diri kepada pihak berkuasa

LANGKAWI - Seramai 3,138 pendatang asing tanpa izin (PATI) telah menyerah diri kepada agensi penguatkuasaan di seluruh negara sepanjang tempoh enam bulan ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, ia menunjukkan operasi yang diuar-uarkan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) telah memberi tekanan terhadap PATI.

"Jumlah itu merangkumi tempoh 1 Januari sehingga 18 Jun lalu," katanya pada sidang akhbar di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kebanyakan PATI yang menyerah diri memohon bantuan pihak berkuasa untuk mendapatkan dokumen yang sah bagi membolehkan mereka bekerja di sini.

"Ada juga yang datang

untuk meminta kita membawa pulang ke negara asal," katanya.

Sementara itu, Hamzah berkata, imigresen telah menjalankan 1,843 operasi dalam tempoh sama dengan menahan sebanyak 4,877 PATI serta 88 majikan.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan PATI yang ditahan ialah seramai 8,015 orang," katanya.

Sebelum ini, seramai 145,830 PATI telah mendaftar di bawah Program Rekabirasi Tenaga Kerja dan Program Rekabirasi Pulang sejak ia dilaksanakan pada November tahun lepas.

Daripada jumlah itu, seramai 72,324 orang telah mendaftar untuk pulang, manakala 73,506 lagi mendaftar untuk Program Rekabirasi Tenaga Kerja.

rian sedang berbincang dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengenai polisi sedia ada oleh kerajaan-kerajaan terdahulu.

"Kita perlu adakan polisi yang sebenarnya agar ia tidak ditukarkan," katanya.

Terdahulu, Hamzah dan Ronald mengedarkan risalah

yang tertera nombor telefon agensi penguat kuasa kepada nelayan di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Penarak.

Risalah berkenaan ditampal pada bot nelayan bagi memudahkan golongan itu menghubungi agensi penguatkuasaan ketika berada dalam kecemasan di tengah laut.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			17	23/06/2021



BUBU naga yang digunakan nelayan



NELAYAN yang ditahan

APMM tahan nelayan guna bubu naga

Parit Buntar: Padah menggunakan alat menangkap ikan yang dilarang, empat nelayan termasuk dua warga Indonesia gagal melarikan diri dan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kurau, Ahad lalu.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Kurau Komander Maritim Mohd Share-

nliza Ghazali berkata, mereka itu ditahan ketika rondaan rutin pihaknya.

Menurutnya, pasukannya terserempak dengan sebuah bot dalam keadaan mencurigakan di kedudukan 1.8 batu nautika barat laut muara Kuala Kurau.

Katanya, ketika dihampiri terdapat empat nelayan berusia 14 hingga 50 tahun di

atas bot terbabit bersama sejumlah peralatan menangkap ikan yang dilarang penggunaannya.

"Pemeriksaan mendapati terdapat 20 bubu naga yang dipercayai digunakan kumpulan nelayan itu.

"Siasatan lanjut juga mendapati dua nelayan Indonesia di atas bot itu menggunakan permit kerja

yang sudah tamat tempoh.

"Susulan itu kesemua mereka ditahan bersama barangan rampasan dan dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Kurau untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11 (3) (b) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		19	23/06/2021

Nelayan jadi tali barut seludup PATI

Langkawi: Penduduk tempatan terutama nelayan dipercayai menjadi tali barut sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke pulau peranginan itu.

Ja dikesan hasil maklumat dan risikan pihak berkuasa susulan beberapa cubaan memasuki PATI ke Langkawi sebelum ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata hasil siasatan mendapati mereka bekerjasama dengan sindiket penyeludupan PATI, selain turut terbabit dalam penyeludupan dadah dan lain-lain jenayah.

"Nelayan memberi bantuan termasuk penggunaan bot mereka untuk membawa masuk PATI dari tengah laut. Kita sebenarnya sudah kenal pasti individu terbabit dan akan tangkap mereka," katanya pada sidang media di Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini semalam.

Beliau sebelum itu menyertai pemantauan dan pemeriksaan Op Cantas oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) selain meluangkan masa bertemu wakil nelayan tempatan.

Sementara itu, katanya, seramai 8,015 PATI ditahan di seluruh negara dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini dan daripada jumlah itu, 4,877 ditahan ketika operasi pihak berkuasa, manakala 3,138 lagi adalah tangkapan di pintu masuk serta serahan kepada Jabatan Imigresen.

"Daripada 3,138 pendatang asing terbabit, seramai 924 datang menyerah diri, manakala 663 pergi sendiri ke Jabatan Imigresen. Selain itu, 1,292 adalah serahan oleh jabatan atau agensi luar dan tangkapan di pintu masuk negara pula seramai 259 orang.

"Kejayaan ini hasil operasi besar-besaran mulai 1 Januari sehingga 18 Jun lalu yang dilakukan di seluruh negara," katanya menambah, warga asing yang berada dalam negara masih berpeluang menyertai program rekalibrasi sehingga 30 Jun ini.

Hamzah juga memaklumkan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Sempadan Australia (ABF) sedang mengadakan operasi bersama selama seminggu di utara Selat Melaka, dikenali Ops Redback yang memasuki edisi ke-15 yang membabitkan perairan sekitar Kuala Kedah, Perlis dan



Hamzah (kiri) melawat Pengkalan Nelayan Penarak dalam kerjasama bersama nelayan bagi membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin di Langkawi. (Foto Halim Salleh/BH)

Langkawi.

"Kerjasama ini ditandatangani Australia dan Malaysia sejak 2011 dalam memerangi ancaman keselamatan maritim, khususnya isu penyeludupan dan perdagangan manusia," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, dasar berhubung penempatan etnik Rohingya di Bukit Malut, di sini, yang dikatakan sudah membentuk komuniti besar dan selesa di perkampungan berkenaan akan diteliti semula.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Ikan 'predator' atau ikan pemangsa yang berasal dari Sungai Amazon, Brazil dikatakan spesies ikan yang memiliki tabiat agresif.

Karakter ikan ini yang memiliki gigi tajam selain cepat membesar membuatkan ia mampu menyambar apa sahaja haiwan yang muncul di depannya sebagai makanan termasuk burung dan mamalia.

Dengan reputasi berkenaan, pasti ramai menyangkakan ikan ini tidak mungkin menjadi pilihan sebagai ikan belian seperti ikan bhasan lain.

Namun, tidak bagi Darwish Eraz Zulmal, 20, yang tertarik dengan 'naluri ekstrem' semula jadi haiwan berkenaan

apabila menyambar makanan iaitu ikan keli potong.

Dia yang juga cef restoran D Rakit di Klang, Selangor itu melihat reaksi ikan kesayangannya menyambar makanan dan berenang di kolam peliharaan di rumah keluarganya di Jalan Kebun, di sini, sebagai satu kepuasan.

"Minat saya terhadap ikan ini selangalah kepada kesanggupan memelihara hanya bermula sejak setahun

lalu iaitu ketika Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 yang mana mempunyai banyak masa terluang.

"Saya mengenali komuniti ikan 'predator' dan mula buat penyelidikan sedikit mengenai ikan aligator iaitu ikan memiliki muncung seperti buaya.

"Apatah lagi saya bela dari saiz ikan itu 30 sentimeter lagi dan kini hampir satu meter panjangnya. Ikan aligator ini boleh mencecah hingga tiga meter dan memiliki berat hampir 200 kilogram dalam habitat asalnya," katanya.

Kata Darwish, meskipun ikan 'predator' ini tahan lasak, namun pemiliknya masih perlu tahu tabiat dan cara penjagaan bagi mengelak masalah berkaitan dengan penyakit dan sebagainya.

"Saya bela ikan ini kerana minat. Jadi, saya sanggup berhabis dan mendalami cara membela haiwan itu daripada 'otai' (orang lama) yang memelihara ikan ini selain pelua penting diturunkan ialah perlu pastikan kualiti air dalam keadaan baik.

"Dalam kolam ini, saya gunakan sistem tiga lapisan saringan. Saringan pertama ialah saringan mekanikal yang menapis kotoran atau segala sisa terkumpul di sini.

"Saringan kedua pula ialah saringan bio yang mana memastikan bakteria baik terkumpul dan merawat air mengikut kualiti sewajarnya iaitu kandungan ammonia rendah serta oksigen tinggi.

"Ketiga ialah air yang bersih menerusi panti air dan sistem ini pada saya paling asas jika mahu memelihara spesies ikan pemangsa," katanya.

"Tambahan lagi, dalam koleksi ikan pemangsa dimiliki mencecah 20 ekor termasuk spesies ikan batu dikatakan tergolong dalam keluarga ikan pirana, ikan keli ekor kuning arowana.

Turut berada dalam kolam sama ialah ikan patin dan ikan bandaraya albino yang berusia lebih 10 tahun.

Antara tip dikongsi Darwish ialah makanan perlu diberi kepada ikan peliharaan sebaiknya ikan sejuk beku atau ikan mati berbanding ikan hidup.

"Selain tidak meletakkan ikan pemangsa dengan ikan hiasan atau bersaiz kecil. Selain elakkan memberi

makan ikan hidup.

"Saya suka beri makan ikan yang sudah mati. Biasanya untuk sebulan saya memperuntukkan 10 kilogram ikan keli yang dipotong dan sejuk beku untuk diberi kepada ikan peliharaan saya.

"Malah, saya tidak beri ikan hidup kerana mahu elak risiko penyakit kerana kita tidak tahu ikan dari kolam atau akuarium lain bebas penyakit atau sebaliknya," katanya memperuntukkan RM100 sebulan untuk kos makanan.

Menyentuh berkenaan hobi itu dikatakan terapi, kata Darwish, tidak dinafikan ikan kesayangan itu banyak membantu dia menenangkan diri.

"Kalau saya rasa ada masalah, saya akan pergi lihat dan 'bertangkap-cakap' dengan ikan ini seolah-olah mereka ini kawan saya.

"Kaedah ini membantu saya menangan stres selain memberikan ketenangan. Pada saya setiap hobi itu meskipun ada kalanya menuntut kos dan tenaga, tetapi ia sesuatu yang berbaloi jika memberi kesan baik sama ada emosi atau fizikal," katanya.

TARIKAN IKAN 'PREDATOR'

Aksi ikan kesayangan sambar makanan, berenang di kolam peliharaan beri kepuasan

Foto oleh Nurul Husna Mahmud

SATU kepupusan melibat ikan kesayangan beribarat menyambar makanan

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		20	23/06/2021

20
UTUSAN MALAYSIA
RABU • 23 JUN 2021

Gaya • TANI

MOHD. Hairel Mohd. Rashid dibantu oleh bapanya, Rashid Ariffin mengusahakan penternakan kupang di Teluk Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Ternakan kupang komersial tarikan baharu PD

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@medianusa.com.my

Saya mahu potensi kupang dikuatkan lagi termasuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan baharu di daerah ini.”

HAIREL MOHD. RASHID

KUPANG adalah sejenis siput (mollusk) yang mempunyai bentuk bulat dan bujur tirus di bahagian hujung kulitnya. Ia sama seperti kerang remis, siput sedut dan pelbagai haiwan bercengkerang lain yang banyak terdapat di kawasan perairan di negara ini. Bagaimanapun, kehadiran kupang di Pasir Panjang, Port Dickson merupakan sesuatu yang baharu dan bakal menjadi tarikan baharu pelancong di daerah Port Dickson tidak lama lagi.

Kupang Pasir Panjang yang ditenak secara komersial mula mendapat permintaan tinggi terutama dalam kalangan penggemar makanan laut. Di Pasir Panjang itu di sekitar Sungai Paya sehingga Pulau Perjudi, kupang yang ditenak kulitnya berwarna hijau gelap (hijau lumut) dan berjalar hijau muda di bahagian tepi.

Penternaknya, Mohd. Hairel Mohd. Rashid, 29, berkata, dia bekerja sebagai pengendali bot sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan tahun lalu.

Katanya, ketiadaan pelancong akibat sempadan negara ditutup menyebabkan dia terpaksa berhenti daripada kerjanya itu. Tidak berdaya diri, dia kemudian mempelajari penternakan kupang daripada seorang jiran dan akhirnya penternakannya itu kini menjadi sumber pendapatan utamanya.

“Saya menenak kupang sebagai menambah mata pencarian. Saya mahu potensi kupang dikuatkan lagi termasuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan baharu di daerah ini,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia baru-baru ini.

Jelasnya, dia telah mula memacik kayu bagi menenak kupang sejak pandemik Covid-19 mula melanda negara ini dan mengambil masa selama sembilan bulan untuk mendapatkan hasilnya.

“Bayangkan saya bermula pada bulan Februari dan mendapat hasil pada bulan November tahun lalu.”

“Jika diiktiraf kupang ini hanya boleh dituai sebanyak enam kali sahaja mengikut iaitu ikut air surut besar sahaja,” katanya.

Beliau dibantu oleh ayahnya yang juga seorang nelayan, Mohd. Rashid Ariffin untuk menjaga kawasan penternakan kupang tersebut.

Menurut Mohd. Hairel, penternakan kupang memerlukan kawasan perairan yang tidak mempunyai arus yang deras, tiada lalu lintas kapal besar, air laut yang bersih daripada pencemaran sampah dan tidak tercemar dengan tumpahan minyak.

MOHD. HAIREL Mohd. Rashid menunjukkan kupang yang ditenak secara komersial di Teluk Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson. — UTUSAN/ ZAKKINA WATI/AHMAD TARMIZI.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		21	23/06/2021





UTUSAN MALAYSIA
RABU • 23 JUN 2021 **21**

TANI • Gaya

Dickson tahun hadapan.
Yang Dipertua MPPD,
Zamri Mohd. Esa berkata,
penternakan kupang dan tiram
di daerah ini mempunyai
keunikannya tersendiri dan ia
mempunyai potensi sebagai
produk pelancongan kepada
pengunjung di daerah ini.
“Selain pantal peranginan,
hotel dan aktiviti di pantai,
kami mahu membawa
pelancong ke lokasi
penternakan kupang dan
tiram.”
“Kami berhasrat
menyediakan satu pakej bagi
pelancong melihat sendiri
penternakan kupang dan
tiram,” katanya.

**DITERNAK SECARA
SEMULA JADI**
Menceritakan lebih lanjut
mengenal penternakan
kupang di daerah ini, Mohd.
Haizel berkata, ia merupakan
kupang semula jadi tanpa
menggunakan sebarang benih.
“Perbezaan kupang di
daerah ini dengan negeri
lain adalah kami di sini tidak
menggunakan sebarang benih
untuk menternak kupang.
Apa yang dilihat di kawasan
ini kami hanya menghasilkan
kupang secara semula jadi.”
“Selain itu, kupang yang
kami ternak juga lebih besar
iaitu 10 sentimeter (empat
inci) berbanding kupang laia.
Mereka (peternak kupang
di negeri lain) mungkin
menggunakan kelong namun
di sini ia secara semula jadi.”
katanya.

Menurutnya, dia hanya
menggunakan kos RM600
untuk membeli paip PVC,
kayu, mencari tayar dan
jaring lama untuk memulakan
penternakan kupang.
“Satu batang boleh
mendapat hasil 10 kilogram
(kg) kupang, jika 1kg kupang
boleh dijual pada harga RM10,
saya mampu meraih jualan
sehingga RM10,000 sebulan.”
“Kini, saya mula menjual
kepada pemborong dan
pemilik restoran di sekitar
Port Dickson,” katanya yang
memberitahu terdapat 80
peternak kupang di sekitar
Pasir Panjang.

Sementara itu, Mohd.
Haizel turut berharap pihak
berwajib dapat membantu
peternak kupang daripada
segi pemberian tiang kupang.
“Kami juga ada menerima
paip PVC untuk digunakan
sebagai tiang kupang daripada
pihak kerajaan negeri baru-
baru ini.”
“Kami berharap penternakan
ini mendapat perhatian kerajaan
negeri dan melihat kupang
sebagai satu tarikan baharu
bagi pelancong dalam dan luar
negara kelak,” katanya.

ZAMRI Mohd. Esa (kanan) menunjukkan kupang yang diperolehi daripada penternak kupang yang akan dijadikan salah satu produk pelancongan baharu di Port Dickson.

RENDANG kupang juga enak rasanya.
“Saya mempunyai dua lot lokasi peternakan kupang iaitu di Sungai Sekawang dan Teluk Sinting iaitu sebanyak 3,000 batang tiang penternakan kupang dengan keluasan 100X100 (petak). Di Sungai Sekawang lebih sesuai kerana kawasan tersebut mempunyai lumpur yang agak dalam.”
“Pelbagai teknik yang digunakan untuk menternak kupang ini namun di Sungai Sekawang ini, ada juga peternak yang menggunakan batang paip polivinil klorida (PVC).”
“Bagaimanapun, lebih ramai peternak menggunakan kayu kerana kayu jika ditanam di dalam laut akan menjadi masam dan memudahkan proses membiak kupang,” katanya lagi.
Mohd. Haizel menjelaskan, penggunaan tiang kayu pula jangka hayatnya hanya bertahan dua tahun.
Jaring tangas pula akan mengambil masa selama setahun untuk membiak manakala jaring benang mengambil masa sembilan hingga 10 bulan untuk dituai.
Katanya, cabaran menternak kupang adalah kecurian kupang yang sering berlaku pada waktu malam dan pencemaran air juga menyebabkan kupang rosak dan tidak boleh hidup dengan baik.
Sementara itu, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) mengakui ternakan kupang dan tiram akan menjadi produk baharu pelancongan yang diteroka untuk diketengahkan menjelang Tahun Melawat Port